

19 MAR 1996

Mahathir - Undi

DR MAHATHIR TIDAK SETUJU TOLAK PEMIMPIN DENGAN UNDI TIDAK PERCAYA

LANGKAWI, 19 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak bersetuju dengan tindakan sesetengah Umno bahagian menolak pemimpin mereka secara undi tidak percaya.

Beliau berkata jika cara itu dijadikan amalan, lambat laun akan memusnahkan Oparti.

"Saya tidak bersetuju dengan sebarang usaha untuk menggulingkan pemimpin bahagian dengan cara undi tidak percaya kerana Umno mempunyai jawatankuasa disiplin untuk dijadikan tempat rujukan," katanya.

Jika anggota Umno mempunyai sebarang masalah mereka seharusnya merujuk kepada Majlis Tertinggi (MT) parti untuk penyelesaian, kata Dr Mahathir, yang juga presiden Umno, pada persidangan akhbar pada akhir lawatan dua harinya ke pulau peranginan bebas cukai ini.

Beliau ditanya pemberita mengenai tindakan jawatankuasa Umno Bahagian Rantau Panjang yang meluluskan usul undi tidak percaya terhadap ketuanya, Mohd Zain Ismail pada mesyuarat tergepang mereka dua hari lepas.

Menurut Timbalan Ketua Umno Bahagian berkenaan, Rusdan Mustapha tindakan itu diambil selepas Mohd Zain didakwa membantu calon Bebas, Ramli Awang pada Pilihan Raya Umum 1995.

Dr Mahathir berkata walaupun pucuk pimpinan Umno menyedari bahawa mereka kadangkala terpaksa menyingkir pemimpin dan anggotanya tetapi ia mestilah dibuat atas alasan yang kukuh dan bukti yang nyata.

"Kita tahu ada kalanya kita perlu menyingkir seseorang tetapi mestilah atas dosa yang cukup besar seperti dia menyertai parti lain. Tapi ianya (penyingkiran) tidak dilakukan dengan cara ini (undi tidak percaya)," katanya.

Beliau berkata jika jawatankuasa Umno Bahagian Rantau Panjang mempunyai bukti terhadap perbuatan Mohd Zain, mereka seharusnya mengadukan perkara itu kepada MT.

"Kita kena buktikanlah kesalahan seseorang itu sebab kalau nak buat tuduhan memang senang. Sayapun boleh tuduh orang lain tak suka saya," katanya.

Mengenai sesi percambahan fikiran anjuran Umno Kelantan yang beliau pengerusikan, Dr Mahathir berkata ia bertumpu kepada perbincangan mengenai masalah politik di negeri itu.

Katanya usaha untuk menentukan supaya Umno dapat menawan semula Kelantan turut menjadi agenda utama selain mencari sebab kenapa Umno gagal di negeri itu.

"Secara umumnya, kita mendapati rakyat Kelantan kini sudah berfikir semula untuk menyokong Umno dan Barisan Nasional (BN)," katanya.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, berkata masalah yang membabitkan bahagian tertentu juga dibangkit pada sesi yang berlangsung kira-kira dua jam itu.

Yang turut hadir pada sesi itu ialah Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa, Anggota Parlimen Jeli Datuk Mustapa Mohamed dan kira-kira 100 pemimpin Umno negeri dari semua peringkat.

Dr Mahathir berkata beliau turut mengingatkan anggota Umno Kelantan, seperti juga Umno Negeri-negeri lain, supaya mementingkan disiplin untuk menjamin kejayaan parti. -- Bernama.

ZAA MZM AHH